



DR. MAHATHIR MOHAMED dan isteri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali beramah mesra dengan para pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) selepas majlis penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat UPSI di Tanjung Malim, semalam.

Semai nilai mulia pelajar dari awal

TANJONG MALIM 24 Ogos - Para pendidik wajar terus dilatih kemahiran mendidik pelajar dari peringkat awal untuk menanam nilai mulia yang boleh menghindari mereka daripada masalah keruntuhan moral dan jenayah, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Kata beliau, waiu secanggih mana sistem pendidikan yang ada di negara ini, pendidik perlu memastikan pelajar mereka mempunyai sahsiah yang baik.

Katanya, keruntuhan moral semakin jelas berlaku terutama di kalangan remaja Melayu dan perkara itu amat membimbangkan.

"Jika diperhatikan hari ini jenayah bukan sahaja dilakukan oleh penjenayah tetapi oleh orang biasa termasuk remaja dari keluarga yang dihormati," katanya ketika berucap pada Sesi Khas Istiadat Konvokesyen Keenam Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), di sini, hari ini.

Pada sesi khas itu, Dr. Mahathir menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Kepemimpinan dan Pembangunan Pendidikan, manakala isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali menerima Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Keluarga daripada Canselor UPSI, Raja Permaisuri Perak Tuanku Bainun.

Seramai 1,482 graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dan 131 graduan Ijazah Sarjana Pendidikan akan menerima ijazah masing-masing dalam lima sesi bermula esok sehingga Jumaat.

Dr. Mahathir berkata para pendidik perlu diperlengkapkan dengan kemahiran menyediakan perisian komputer sejajar perkembangan penguasaan ilmu dan kecekapan zaman ini.

Katanya, ketika penggunaan sistem binari atau digital yang pesat mengubah corak pendidikan melalui penggunaan perisian komputer, institusi yang melatih pendidik juga perlu menyediakan mata pelajaran asas bagi penulisan perisian komputer untuk kegunaan mereka.

"Terisian itu boleh ditingkatkan keberkesannya dengan mempermudah lagi cara penyampaian Ilmu, malah boleh dibuat sepanjang masa. Sistem pendidikan perlu dikaji dan disesuaikan dengan alatan komunikasi yang canggih," katanya.

Beliau berkata kemudahan komputer dan perisian yang semakin canggih menjadikan bidang pendidikan dan penguasaan ilmu lebih mudah.

Sementara itu, Dr. Siti Hasmah di dalam ucapannya berkata orang ramai perlu memberikan tumpuan dan masa kepada keluarga terutama mendidik anak kerana pembinaan sikap seseorang bergantung kepada didikan pada usia muda.

"Mendidik anak dengan peribadi baik terutama sejak lahir sehingga berusia lima tahun amat penting. Hubungan dan komunikasi dalam keluarga penting kerana ia memberikan anak ruang mluahkan masalah mereka," katanya. — Bernama